

CERITA RAKYAT MEMBENTUK MORAL POSITIF KANAK-KANAK MELALUI NILAI MURNI (MOULDING CHILDREN POSITIVE MORALE VALUES THROUGH FORKLORE)

MOHD FIRDAUS CHE YAACOB* DAN NORMALIZA ABD RAHIM

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor.

*Corresponding author: mohdfirdauscheyaakob@yahoo.com

Abstrak: Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai murni menerusi cerita rakyat terhadap pembentukan nilai-nilai murni dalam kalangan kanak-kanak. Setiap nilai murni yang digarap oleh pengarang Othman Puteh & Aripin Said ini lahir daripada penelitian, pemerhatian, dan sensitiviti terhadap masyarakat persekitarannya. Oleh itu, menerusi kajian ini pengkaji telah menggunakan *Buku Koleksi Himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia* untuk dijadikan sebagai batasan kajian. Buku itu dipilih kerana cerita-cerita rakyat tersebut sarat dengan nilai-nilai murni untuk membentuk moral positif dalam diri kanak-kanak. Selain itu, Teori Pengkaedahan Melayu telah digunakan untuk diaplikasikan dalam memantapkan lagi kajian ini. Justeru hasil daripada kajian ini, beberapa dapatan telah diperoleh. Kejayaan tersebut sudah cukup untuk membuktikan buku ini mempunyai peranan dan sumbangan yang besar kepada pembaca pada masa kini dan generasi bangsa yang akan datang khususnya golongan kanak-kanak di Malaysia.

KATA KUNCI: Nilai murni, cerita rakyat, kanak-kanak, Teori Pengkaedahan Melayu.

Abstract: This study is conducted to identify and analyze the moral values through Malay folklore stories. The values introduced by the author Othman Puteh & Aripin Said were from research, observation, and sensitivity among communities. Therefore, this study uses the book entitled *Buku Koleksi Himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia* to identify and analyze the moral values. The moral values in the Malay folklore stories create positive attitude in children. This study uses the Malay Methodology Theory. The results of the study revealed that the Malay folklore stories have given a significant contribution towards moral values among readers in the present and future generations; especially to the children in Malaysia.

KEYWORDS: Values, Malay folklore, children, Malay Methodology Theory.

Pengenalan

Bidang kesusasteraan membuka ruang kepada penulis untuk melahirkan daya kreatif dan sensitiviti berdasarkan pemikiran dan pengalaman ke dalam bentuk karya. Hasil karya yang baik mempunyai nilai-nilai berunsur kebudayaan yang mampu mempengaruhi minda dan jiwa pembaca. Hal ini kerana, karya sastera merupakan sebahagian daripada seni dari kebudayaan dan telah menarik minat ramai orang untuk meminatinya (Arba'ie Sujud, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi & Asiah Abdul Rahman (2011: 2). Menurut

Utley (1965: 13) sastera rakyat (*folk literature*) ialah berbentuk sastera bercorak lisan yang dituturkan. Sastera rakyat berkembang melalui tradisi lisan. Pada umumnya, sastera rakyat lahir dalam masyarakat yang tidak mengenal huruf. Masyarakat yang mengembangkan sastera lisan merupakan masyarakat yang bercorak tradisional atau mengamalkan corak hidup yang sederhana, terutama dalam kalangan suku-suku bangsa yang hidup dalam masyarakat yang tertutup. Pendapat tersebut disokong oleh Mohd. Taib Osman (1976: 19-31) iaitu sastera di sampaikan secara lisan. Pada zaman ini, sastera

rakyat merupakan sastra yang sudah dicetak atau ditulis. Hal ini kerana, sastra rakyat telah melalui proses rakaman yang disampaikan dari satu generasi ke satu generasi lain. Asalnya sastra rakyat dituturkan atau didendangkan oleh seseorang anggota masyarakat dan yang lainnya mendengar dengan menggunakan pancaindera telinga. Ketika khalayak mendengar, mereka turut dapat menyaksikan penutur atau pencerita mungkin menggerakkan badan, tangan, kaki atau kepalanya untuk menghebatkan lagi ceritanya. Selain itu, Ismail Hamid (1987: 1) menyatakan bahawa sastra rakyat atau sastra lisan khususnya cerita rakyat merupakan sejenis bentuk kesusasteraan terawal yang lahir dalam semua kebudayaan manusia. Keadaan ini berlaku kerana sistem tulisan muncul terkemudian daripada zaman tradisi lisan. Oleh hal yang demikian, jelas membuktikan bahawa sebelum masyarakat Melayu mengenal huruf, sastra yang berbentuk lisan telah berkembang juga dengan meluas dalam masyarakat Melayu purba. Pendapat ini juga disokong oleh Halimah Hassan (1989: 47-48) di Malaysia, sastra rakyat khususnya cerita rakyat sebagai kesusasteraan yang telah dihidupkan secara lisan dengan menggunakan media pertuturan. Ini bermakna, ia merupakan hasil kreatif yang diturunkan dari satu generasi ke satu generasi kepada generasi lain secara lisan dan juga dikenali sebagai tradisi lisan. Justeru, kajian ini akan membincangkan nilai-nilai murni yang terdapat di dalam cerita rakyat yang dapat membentuk moral positif kepada kanak-kanak di Malaysia.

Sorotan Kajian

Aripin Said (1996: 15) berpendapat bahawa, sastra rakyat atau cerita rakyat adalah sastra lisan yang diwarisi oleh masyarakat Melayu daripada satu generasi ke satu generasi yang lain. Harun Mat Piah, *et al.*, (2006: 85) menyatakan bahawa sastra rakyat ialah hasil sastra milik sesuatu kumpulan masyarakat yang diperturunkan daripada satu generasi ke satu generasi yang lain secara lisan. Menurut Halimah Badioze Zaman (1992), cerita rakyat kanak-kanak tidak dapat dipisahkan

daripada pengertian sastra umum dan bentuk sastra yang lain. Sastra kanak-kanak adalah gambaran kehidupan dan pemikiran manusia melalui bahasa dan penulisan. Oleh hal yang demikian, cerita rakyat adalah garisan kehidupan dan fikiran manusia melalui bahasa untuk dicurahkan kepada kanak-kanak. Dari segi perkembangan logik, emosi yang terkandung di dalamnya dibatasi oleh peringkat umur yang mencorakkan sastra kanak-kanak. Menurut Wan Marzuki Wan Mohd Noor (2010: 8) nilai murni merupakan unsur yang baik dan positif, bermutu dan berkualiti sama ada dalam pemikiran, tingkah laku atau perbuatan, kemasyarakatan atau bidang keagamaan yang mengandungi unsur kebenaran, kejujuran dan tidak mencemarkan budaya masyarakat Melayu. Oleh hal demikian, menurut Halimah Badioze Zaman (1992) nilai murni sebatik dalam pengarang cerita-cerita rakyat kepada kanak-kanak dan ia tidak terkeluar dari pandangan masyarakat. Ruang litupnya masih berpaksikan alam, lingkungan adat, cara hidup dan budaya masyarakat yang mendasarinya. Nilai murni yang bersifat sedikit ke hadapan, bersifat futuristik, namun ia masih dalam ikatan batas kelaziman berfikir bangsa Melayu. Hal ini perlu ditekankan, kerana seni itu umpama pancaran masyarakat yang mendukungnya. Dengan demikian, keterikatan ini wajar juga dijadikan teras kepada segala citra nilai murni pada masa hadapan supaya cerita-cerita rakyat kepada kanak-kanak ini tidak sekadar bersifat setempat namun lebih global dan universal lagi. Menurut Othman Puteh & Aripin Said (2010) nilai murni yang terpapar dalam setiap cerita rakyat itu penting kepada pembentukan moral dan akhlak kanak-kanak. Maka ia tidak harus digadaikan dengan apa-apa unsur yang dapat mengkhakis keaslian. Oleh itu, nilai murni boleh mencerminkan masyarakat dan bangsa. Kegiatan memperkasa dan memantapkan pemaparan nilai murni dalam cerita rakyat di negara ini mestilah berteraskan kepada asas dan teras budaya Melayu serta budaya bangsa kita yang kukuh.

Teori Pengkaedahan Melayu

Pengkaji telah menggunakan Buku Koleksi Himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia. Buku ini diselenggarakan oleh Othman Puteh dan Aripin Said. Teori ini mula diketengahkan oleh Hashim Awang (1989). Teori ini berdasarkan realiti kehidupan dan persekitaran bangsa penglahir karya. Melalui Teori Pengkaedahan Melayu ini, Hashim Awang (2002: 12), membahagikan kepada dua iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Kedua-duanya mempunyai cabang-cabang yang dikenali sebagai pendekatan. Pengkaedahan Alamiah terdiri daripada Pendekatan Firasat, Pendekatan Gunaan dan Pendekatan Moral manakala melalui Pengkaedahan Keagamaan menyenaraikan Pendekatan Dakwah, Pendekatan Kemasyarakatan dan Pendekatan Seni. Pengkaedahan Alamiah menurut Hashim Awang (2002) berteraskan corak hidup yang menjadikan alam sebahagian daripada diri dan kehidupannya. Masyarakat Melayu menjalani kehidupan dengan berpolakan kepada pergerakan dan pengisian alam seolah-olah sebagai sebahagian daripada diri dan kehidupan mereka. Alam dijadikan faktor utama untuk memberikan pekerjaan, pengalaman, pengajaran dan kebaikan. Pendekatan Gunaan menurut Hashim Awang (2002) merujuk kepada kewujudan objek alam yang mengandungi pelbagai manfaat, hikmat, fungsi dan kegunaan kepada manusia atau khalayak di samping alam digunakan sebagai sumber ilham pengarang diterapkan ke dalam sebuah karya sastra.

Pendekatan Moral menurut Hashim Awang (2002:12), pula didasari daripada Pendekatan Gunaan iaitu sastra berupa kejadian dan objek, namun kejadiannya berdasarkan Pendekatan Moral, bukan lagi berbentuk sesuatu kewujudan yang menyamai alat atau benda yang memberi kegunaan, tetapi kejadian yang bersifat pengalaman hidup manusia. Pengalaman tersebut melibatkan tentang peristiwa yang berlaku atau yang dilalui oleh manusia, sama ada memberikan kesan positif ataupun negatif, Hashim Awang (2002) manakala ilmu pula, dalam bentuk maklumat-maklumat berkenaan

dengan hidup dan kehidupan manusia. Pendekatan Firasat menurut Hashim Awang (2002) berlandaskan kepada tanggapan bahawa sastra adalah satu kejadian alam semesta yang memberikan dan memperkayakan pengalaman hidup. Namun pengalaman hidup itu lebih mengarah kepada pengalaman penciptaan karya yang penuh dengan daya kemisterian. Sungguhpun begitu, mimpi yang dilakukan secara sedar dan didasarkan kepada wawasan dan matlamat yang khusus.

Menurut Hashim Awang (2002) Pengkaedahan Keagamaan yang dimaksudkan sebagai pendekatan yang bersandarkan keimanan dan bersendikan akidah agama Islam. Sumber yang paling utama dijadikan ialah al-Quran dan hadis. Sumber pembentukannya pula bersandarkan tujuan menonjolkan sifat-sifat keagungan Allah SWT dan mempertingkatkan ketakwaan terhadap-Nya. Menurut Hashim Awang (2002) Pendekatan Dakwah sebagai satu hasil sastra menekankan aspek-aspek yang menyentuh segala persoalan yang berkaitan dengan pengutaraan kebesaran dan sifat-sifat keagungan Allah SWT dalam hasil kesusasteraan Islam. Oleh itu, menurut Hashim Awang (2002) sastra juga dilihat sebagai satu wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan seseorang insan terhadap Allah SWT. Pendekatan Kemasyarakatan ini bertujuan untuk mencari kesejahteraan hidup bermasyarakat dan pengukuhan keimanan dan ketakwaan yang boleh diungkap dan dapati dalam sastra Melayu yang berfungsi khusus dengan membawa perutusan besar untuk mensejahterakan dan membahagiakan umat manusia dan secara tidak langsung meletakkan pendekatan ini sebagai 'sastra untuk masyarakat dari perspektif Islam'.

Menurut Hashim Awang (2002) Pendekatan Seni digunakan untuk meneliti nilai-nilai estetika yang ada padanya. Pendekatan ini menilai aspek unsur keindahan dalam karya sastra. Ia menjadikan karya sastra sebagai persoalan pokok. Menurut Hashim Awang (2002) keindahan dalam sastra adalah keindahan yang melandaskan dirinya kepada nilai-nilai estetika Islam dan tidak bertentangan dengan

akidah serta ajaran dan fahaman agama Islam. Ia hendaklah dilihat bersama dengan logiknya. Keindahan luaran boleh dilihat daripada aspek bentuk visual dan penggunaan gaya bahasa manakala keindahan dalaman merujuk kepada aspek falsafah pemikiran dan mesej yang dibawa dalam sesuatu karya. Berdasarkan perbincangan ini, Teori Pengkaedahan Melayu adalah berasaskan kepada kenyataan yang wujud dalam masyarakat, terutamanya situasi kehidupan dan kebudayaan dan kepercayaan keagamaan. Semua unsur dan pendekatan teori ini ternyata memiliki kekuatan dan keistimewaan tersendiri dapat digunakan atau diterapkan terhadap karya-karya sastera Melayu khususnya dalam kegiatan-kegiatan pengkajian dan kritikan kesusasteraan.

Nilai Murni Cerita Rakyat Kepada Kanak-kanak

Pada hakikatnya, menerusi cerita rakyat terdapat nilai-nilai murni seperti hormat-menghormati, tolong-menolong, kerajinan, bermuafakat, keberanian, kejujuran, dan kasih sayang. Nilai-nilai murni ini akan dibincangkan dalam analisis kajian tersebut.

Hormat-menghormati

Nilai hormat-menghormati didefinisikan sebagai berbudi pekerti dengan tingkah laku mulia dan lemah lembut yang patut diamalkan oleh seseorang individu dalam hubungannya dengan ahli masyarakat yang lain (Tajul Arifin Nordin & Nor'aini Dan, 1992: 31). Manakala Hashim Musa (2008: 69) pula berpendapat hormat-menghormati merupakan memuliakan orang-orang yang lebih tua dan berpangkat daripadanya, dan juga para tetamu dengan memberi layanan yang baik, menghormati hak, keperluan asasi dan maruah manusia dan individu, menghormati kepercayaan, budaya, adat resam dan keturunan yang berbeza-beza, menghormati undang-undang dan peraturan yang termaktub dalam perlembagaan dan undang-undang negara, menghormati dan bertanggungjawab terhadap golongan minoriti dan yang kurang upaya. Norita Arifin pula

mentakrifkan nilai hormat-menghormati sebagai perasaan muhibah, bertimbang rasa, ikhlas dan tunjuk rasa hormat kepada orang lain (2006: 86). Nilai hormat-menghormati ini terbahagi kepada beberapa ciri antaranya hormat dan taat kepada ibu bapa, hormat kepada orang yang lebih tua, guru, rakan, jiran tetangga dan pemimpin, patuh kepada undang-undang, hormat kepada hak asasi, hormat kepada kepercayaan dan adat resam pelbagai keturunan serta hormat kepada keperibadian individu (Tajul Arifin Nordin & Nor'aini Dan, 1992: 31-32). Berdasarkan pendapat-pendapat yang diutarakan, nilai hormat-menghormati dapat disimpulkan sebagai perlakuan atau pekerti mulia termasuklah menghargai, memuliakan dan memandang tinggi dalam hubungan sesama ahli masyarakat sama ada ibu bapa, orang yang lebih tua, jiran, guru, rakan taulan dan pemimpin, undang-undang dan peraturan, serta kepercayaan dan adat resam dengan memberi layanan yang baik. Dalam mewujudkan perhubungan yang baik dan bahagia dalam kalangan anggota masyarakat, sikap hormat-menghormati penting untuk menunjukkan kesopanan diri. Kanak-kanak adalah antara mereka yang perlu dipupuk dengan nilai murni sedemikian bagi membentuk sikap yang positif pada diri mereka. Hormat-menghormati adalah satu nilai murni yang berkonsep ke arah kebaikan yang perlu dibentuk pada diri kanak-kanak untuk perjalanan kehidupan yang terancang dan sempurna. Jika kanak-kanak bersikap tersebut, mereka akan menghormati khalayak umum dengan suka rela tanpa ada paksaan. Contohnya berdasarkan cerita rakyat yang berjudul *Harta Tujuh Gedang*.

“Suki menasihati Duraman supaya mereka bekerja kuat dan insaf akan apa yang telah berlaku kepada mereka. Duraman bersetuju dan mereka mula berniaga”.

(Othman Puteh & Aripin Said. ed., 1995: 211).

Berdasarkan petikan di atas, nilai hormat-menghormati yang memaparkan sikap hormat kepada rakan. Menerusi petikan tersebut, pengarang menggambarkan nilai hormat-menghormati sesama kawan yang dimiliki oleh watak Duraman. Duraman menerima teguran

dan nasihat serta menghormati keputusan yang telah dibuat oleh rakannya yang bernama Suki. Setelah Duraman mendengar nasihat daripada Suki, akhirnya dia berasa insaf untuk berubah menjadi yang lebih baik. Mereka telah bersetuju untuk memulakan perniagaan dengan cara yang betul mencari rezeki yang halal menyara kehidupan mereka.

Menurut Halimah Badioze Zaman (1992) penerapan nilai ini dalam cerita rakyat merupakan perkara penting bagi mendedahkan kepada masyarakat bahawa hormat-menghormati itu penting terutama bagi golongan kanak-kanak kerana mereka mudah terpengaruh budaya luar yang meresap dalam diri mereka. Menurut Arba'ie Sujud, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi & Asiah Abdul Rahman (2011) penerapan nilai moral yang baik dalam cerita rakyat merupakan wadah penyampaian penting bagi mendedahkan kepada masyarakat bahawa hormat-menghormati itu penting terutama bagi golongan kanak-kanak kerana mereka mudah terpengaruh budaya luar yang meresap dalam diri mereka.

Hal ini bertepatan dengan pendekatan masyarakat dan pendekatan moral yang terdapat di dalam Teori Pengkaedahan Melayu (Hashim Awang, 2002) melalui pengalaman-pengalaman tersebut, melahirkan satu persoalan yang membawa kepada pengajaran yang dapat memberi manfaat yang berguna kepada khalayak pembaca. Melalui pendekatan ini, karya sastera dihasilkan bukan sahaja untuk mencari kebenaran dan keadilan, malah menjadi satu alat atau pemangkin dalam membentuk satu budaya bangsa yang bermoral baik.

Tolong-menolong

Menurut Abd Rahim Abd Rashid (2001:112), tolong-menolong sesuai dengan pembinaan konsep *caring society* (masyarakat penyayang). Nilai tolong-menolong membolehkan masyarakat bangun membela dan menangani pelbagai masalah sosial yang dihadapi oleh ahli masyarakat yang memerlukan bantuan dan pertolongan. Justeru itu, ia membawa kesediaan melakukan sesuatu dengan rasa ikhlas dan

semangat kekitaan untuk kebaikan bersama tanpa mengharapkan keuntungan atau balasan. Budaya tolong-menolong adalah penting dalam kehidupan bermasyarakat iaitu susah senang bersama-sama mengatasi masalah yang dihadapi. Oleh itu, pada peringkat umur kanak-kanak cuba dibudayakan nilai tersebut dalam diri mereka. Sikap ini, adalah sikap yang mulia dan harus ditanam dalam jiwa setiap kanak-kanak.

Pada usia kanak-kanak mempunyai sikap yang baik dan cuba meniru gaya hidup masyarakat Melayu yang mengamalkan amalan tersebut dalam kehidupan seharian, terutamanya dalam pergaulan seharian. Sewaktu seseorang memerlukan bantuan, masyarakat Melayu akan cuba sedaya upaya memberi bantuan untuk meringankan beban yang ditanggung. Budaya tolong-menolong inilah yang cuba dimanipulasikan dalam diri kanak-kanak dengan sebaik mungkin. Contohnya berdasarkan cerita rakyat yang bertajuk *Orang Sombong Selalu Rugi*.

“Biar saya turunkan kayu di atas kepala nenek dahulu,” kata Melor. Kayu-kayu ini itu diletakkan di atas tanah. Kemudian dia membawa semangkuk air untuk perempuan itu. Perempuan itu pun minum dengan sepuas-puasnya. Saya cuma menolong nenek, nek. Sekarang benarkan saya mengangkat kayu itu,” kata Melor. Dia pun meletakkan kayu itu di atas kepala perempuan itu”.

(Othman Puteh & Aripin Said. ed., 1995: 118).

Berdasarkan petikan cerita tersebut, pengarang menggambarkan nilai tolong-menolong di antara Melor dengan Perempuan Tua. Melor menolong membantu melepaskan perempuan tua itu daripada kesusahan akibat ditimpa oleh kayu atas badannya. Oleh hal yang demikian, maka jelaslah membuktikan bahawa sikap Melor yang telah menolong Perempuan Tua ini merupakan suatu perlakuan yang mulia dan sememangnya nilai murni ini dapat dicontohi oleh kanak-kanak. Dalam konteks ini, kanak-kanak boleh mengamalkan nilai murni ini dalam diri dan kehidupan mereka supaya mereka

boleh membentuk akhlak yang baik serta dapat menjalankan kehidupan di atas muka bumi ini dengan sempurna.

Menurut Arba'ie Sujud, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi & Asiah Abdul Rahman (2011) penerapan nilai moral yang baik dalam cerita rakyat merupakan wadah penyampaian penting bagi mendedahkan kepada masyarakat bahawa tolong-menolong itu penting terutama bagi golongan kanak-kanak kerana mereka mudah terpengaruh budaya luar yang meresap dalam diri mereka. Menurut Halimah Badioze Zaman (1992) kanak-kanak perlu dididik untuk menjadi manusia yang berguna suatu hari nanti. Oleh itu, pembentukan moral anak-anak wajar diasuh oleh ibu dan bapa sejak dari usia mereka sejak kecil lagi. Mereka mudah menerima didikan moral andai kata ibu dan bapa mampu membentuk sahsiah diri mereka dengan baik dan sempurna. Menjurus kepada permasalahan ini, dapat dikatakan bahawa cerita rakyat juga memainkan peranan penting dalam memupuk nilai-nilai murni terutama bagi golongan kanak-kanak ini kerana seusia mereka perlu diberi perhatian yang sewajarnya terutama membentuk keperibadian seseorang kanak-kanak tersebut.

Hal ini bertepatan dengan pendekatan masyarakat dan pendekatan moral (Hashim Awang, 2002) yang terdapat di dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Berdasarkan pendekatan moral tersebut, jelas memperlihatkan bahawa pembentukan moral yang baik dalam diri kanak-kanak mampu dibentuk melalui didikan dan asuhan moral yang betul dan berkesan. Menurut Arba'ie Sujud, Nik Rafidah Muhammad Affendi & Asiah Abdul Rahman (2011) kanak-kanak wajar mendapat didikan moral yang sempurna kerana kanak-kanak harus dijadikan insan yang mampu membentuk nilai-nilai murni yang mulia dalam diri mereka suatu masa nanti. Oleh itu, kanak-kanak senang untuk mendapat pengajaran dalam diri untuk melatih diri mereka mengamalkan nilai-nilai murni dalam diri dan senang untuk membentuk moral yang baik. Melalui pendekatan ini, karya sastera dihasilkan bukan sahaja untuk mencari kebenaran dan keadilan, malah menjadi satu alat

atau pemangkin dalam membentuk satu budaya bangsa yang bermoral baik.

Kerajinan

Nilai kerajinan didefinisikan sebagai usaha yang berterusan yang dilakukan dengan penuh semangat untuk mencapai kejayaan dan kecemerlangan (Jumali Hj. Selamat, 2001: 322). Selain itu, nilai kerajinan juga merupakan usaha berterusan yang penuh dengan semangat ketekunan, kecekalan, kegigihan, dedikasi dan daya usaha dalam melakukan sesuatu perkara (Tajul Arifin Nordin & Nor'aini Dan, 1992: 33). Menurut Hashim Musa, nilai kerajinan merupakan sikap sentiasa berusaha secara berterusan, tekun dan bersungguh-sungguh untuk memenuhi matlamat, sasaran, cita-cita demi mencapai kejayaan (2008: 68). Norita Arifin pula mentafsirkan kerajinan sebagai gambaran usaha bersungguh-sungguh dan bersemangat dalam melakukan sesuatu pekerjaan di samping usaha yang berterusan dalam memenuhi keinginan iaitu kejayaan dan kecemerlangan dengan penuh rasa semangat (2006: 107). Nilai kerajinan ini terbahagi kepada beberapa ciri antaranya ialah cekal, daya usaha, dedikasi, gigih dan tekun (Tajul Arifin Nordin & Nor'aini Dan, 1992: 33). Oleh itu, nilai kerajinan dapat disimpulkan sebagai usaha yang berterusan merangkumi ketekunan, bersungguh-sungguh, cekal, gigih, berdedikasi dan penuh semangat dalam memenuhi tujuan, keinginan yang melibatkan cita-cita dan sasaran iaitu untuk mencapai kejayaan dan kecemerlangan. Daya usaha merupakan antara ciri yang menjadi sandaran dalam meneliti nilai kerajinan. Daya usaha ditakrifkan sebagai gambaran kesungguhan melakukan sesuatu dengan bersemangat, penuh inisiatif, kreatif dan inovatif untuk menghasilkan sesuatu yang berkualiti (Jumali Hj. Selamat, 2001: 322). Contohnya dapat dilihat dalam cerita rakyat yang bertajuk *Tukang Kayu dan Tukang Besi* menunjukkan watak tukang kayu dan tukang besi dalam menghasilkan perabot dan peralatan besi dengan rajin.

“Berhampiran rumah orang kaya itu tinggallah seorang tukang kayu dan seorang tukang dua orang tukang itu

sangat rajin bekerja. Setiap hari tukang kayu membuat bermacam-macam macam perabot. Setiap hari tukang besi juga membuat bermacam-macam-macam alat. Tukang kayu dan tukang besi sangat gembira dengan pekerjaan mereka. Mereka selalu bertegur sapa”.

(Osman Puteh & Aripin Said. ed., 1995: 168).

Pengarang menggambarkan watak tukang kayu dan tukang besi yang sangat rajin dalam melakukan pekerjaannya seperti menghasilkan perabot dan peralatan besi. Mereka melakukan pekerjaan itu setiap hari dengan rajin dan gembira serta hidup bahagia. Menurut Halimzah Badioze Zaman (1992) penerapan nilai ini dalam cerita rakyat merupakan perkara penting bagi mendedahkan kepada masyarakat bahawa kerajinan itu penting terutama bagi golongan kanak-kanak kerana mereka mudah terpengaruh budaya luar yang meresap dalam diri mereka. Menjurus kepada permasalahan ini, dapat dikatakan bahawa cerita rakyat juga memainkan peranan penting dalam memupuk nilai-nilai murni terutama bagi golongan kanak-kanak ini kerana seusia mereka perlu diberikan perhatian yang sewajarnya terutamanya bagi membentuk keperibadian seseorang kanak-kanak tersebut.

Hakikatnya, jelas membuktikan yang pendekatan masyarakat dan pendekatan moral yang terdapat di dalam Teori Pengkaedahan Melayu (Hashim Awang, 2002) sesuai dikaitkan dengan pembentukan nilai-nilai murni dalam diri kanak-kanak. Hal ini kerana, pendekatan masyarakat juga bersangkutan rapat dengan pembentukan moral dalam diri kanak-kanak. Justeru itu, nilai murni dalam diri kanak-kanak mampu dibentuk dengan adanya pendidikan moral yang berpanjangan daripada ibu dan bapa mereka sejak usia mereka kecil lagi. Oleh itu, daripada pengalaman-pengalaman tersebut, melahirkan satu persoalan yang membawa kepada pengajaran yang dapat memberi manfaat yang berguna. Melalui pendekatan ini, karya sastera dihasilkan bukan sahaja untuk mencari kebenaran dan keadilan, malah menjadi satu alat atau pemangkin dalam membentuk keperibadian yang mulia dalam diri kanak-

kanak dan nescaya negara boleh membentuk satu budaya bangsa yang bermoral baik.

Bermuafakat

Menurut Abd Rahim Abd Rashid (2001: 105), didefinisikan semangat kerjasama dalam semua bidang perlu dipertingkatkan bagi mengatasi dan menangani pelbagai masalah yang dihadapi oleh masyarakat. Nilai kerjasama atau muafakat menjadi asas kekuatan kelompok, organisasi, masyarakat dan negara. Bermuafakat adalah perkara yang sinonim dengan kehidupan seharian terutama bagi masyarakat Melayu. Contoh bermuafakat yang dapat dilihat pada hari ini dalam kalangan masyarakat Melayu ialah kesepakatan untuk bergotong-royong, kenduri dan sebagainya. Secara tidak langsung, nilai bermuafakat ini dapat merapatkan dan mengeratkan lagi hubungan masyarakat Melayu dalam menjalankan kehidupan harian. Pada hari ini, nilai ini jelas diperlihatkan dalam cerita teladan terutama dalam cerita rakyat. Cerita rakyat bukanlah cerita rekaan semata-mata tetapi cerita ini mampu membentuk keperibadian moral kanak-kanak kerana jiwa kanak-kanak lebih mudah dibentuk sahsiahnya berbanding orang dewasa dan seusia ini juga mereka dapat tahu baik dan buruknya sesuatu perkara. Lebih jelas nilai ini dikemukakan dalam cerita rakyat *Bermuafakat Menghalau Jin* seperti dalam petikan berikut:

“Penduduk kampung takut dan cemas. Mereka berkumpul di rumah ketua kampung untuk menentang jin itu. “Mari kita minta tolong kepada penghulu,” kata seorang penduduk. “Bolehkah penghulu itu menolong?” soal seorang yang lain. Dia ragu-ragu. “Kita cuba dahulu. Belum cuba belum tahu,” kata ketua kampung.

(Othman Puteh & Aripin Said. ed., 1995: 157).

Petikan di atas terbukti menggambarkan keadaan masyarakat penduduk kampung sedang bermuafakat untuk menghalau jin daripada kampung mereka. Melihat kepada keadaan tersebut, permuafakatan oleh penduduk kampung merupakan tindakan yang bijak bagi menyelesaikan sesuatu masalah melalui

berbincang dengan penghulu mereka. Nilai bermuafakat dikemukakan dapat dilihat apabila penduduk kampung itu bersetuju dengan penghulu mereka untuk menggunakan jarum bagi menghalau jin tersebut.

Penerapan nilai ini dalam cerita rakyat merupakan perkara penting bagi mendedahkan kepada masyarakat bahawa bermuafakat itu penting terutama bagi golongan kanak-kanak kerana mereka mudah terpengaruh budaya luar yang meresap dalam diri mereka. Menjurus kepada permasalahan ini, dapat dikatakan bahawa cerita rakyat juga memainkan peranan penting dalam memupuk nilai-nilai murni terutama bagi golongan kanak-kanak ini kerana usia seawal mereka perlu diberi perhatian yang sewajarnya terutama membentuk keperibadian seseorang kanak-kanak tersebut.

Hal ini berpandukan dengan pendekatan masyarakat dan pendekatan moral yang terdapat di dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Ilham pengarang melalui pengalaman-pengalaman tersebut, melahirkan satu persoalan yang membawa kepada pengajaran yang dapat memberi manfaat yang berguna. Melalui pendekatan ini, karya sastera dihasilkan bukan sahaja untuk dokumentasi sosial, malah menjadi satu alat atau pemangkin dalam membentuk bangsa yang berilmu dan berintelektual.

Keberanian

Menurut Tajul Arifin Nordin & Nor'aini Dan (1992:33), keberanian ditafsirkan sebagai kesanggupan seseorang untuk menghadapi cabaran dengan yakin dan tabah hati. Keberanian seharusnya ada pada setiap individu namun perlu dibatasi agar tidak mendatangkan kecelakaan. Nilai keberanian juga dikatakan sebagai sikap tidak ragu-ragu mengambil sesuatu tindakan walaupun dalam keadaan bahaya dan berisiko tinggi (Aboebakar Atjeh, 1988: 19). Mustafa Hj Daud menegaskan bahawa nilai keberanian merupakan nilai kebenaran dari segi pertuturan, perbuatan, tindakan dan keyakinan (1995: 35). Hashim Musa menyatakan nilai keberanian ini merupakan tabah, kuat dan tidak takut menghadapi cabaran, berpegang kepada prinsip

dan membuat keputusan dan tindakan yang benar dan hak, bersedia mempertahankan kebenaran dengan penuh tanggungjawab dan amanah (2008: 68). Nilai keberanian menurut Norita Arifin (2006: 119), ialah kesanggupan seseorang untuk menghadapi cabaran dan tentangan dengan penuh yakin dan berani menanggung risiko. Nilai keberanian terbahagi kepada beberapa ciri iaitu berani tidak membuta tuli, berani kerana benar, berani mempertahankan pendirian dan berani bertanggungjawab (Tajul Arifin Nordin & Nor'aini Dan, 1992: 33). Nilai keberanian ini dapat disimpulkan sebagai kesanggupan, tidak berasa ragu yang merangkumi sikap tabah, kuat tidak takut kepada cabaran, berpegang kepada prinsip yang benar dan hak, mendukung kebenaran dan berani dalam menanggung risiko untuk menghadapi sesuatu cabaran dalam kehidupan yang terdiri dari segi pertuturan, perbuatan, tindakan dan keyakinan. Bukti ini dapat dijelaskan dalam cerita rakyat *Lombong Menanti* seperti dalam petikan berikut:

“Di Kampung Padang Keladi, kononnya ada seorang pahlawan Melayu yang terbilang bernama Tuk Tandang. Dia sahabat rapat Panglima Ujang. Oleh itu, Tuk Tandang berganding bahu dengan Panglima Ujang mempertahankan bumi Padang Keladi. Puteri raja disembunyikan di rumah Tuk Tandang. Orang Kuala Pilah menyerang rumah itu. Tuk Tandang berdiri di muka pintu menghalang sesiapa sahaja yang berani masuk”.

(Othman Puteh & Aripin Said. ed., 1995: 89).

Petikan di atas jelas menggambarkan keberanian yang dimiliki oleh Tuk Tandang bagi menghalang musuh memasuki rumahnya serta melindungi puteri raja yang berada dalam rumah tersebut. Gambaran nilai keberanian melalui watak Tuk Tandang adalah sebagai satu penerapan nilai-nilai murni yang telah serapkan oleh cerita rakyat bagi disebarkan kepada generasi yang akan datang supaya nilai keberanian itu menjadi sebahagian normal hidup untuk dijadikan sebagai salah satu pendinding untuk menghadapi musuh atau sebaliknya. Oleh itu, nilai keberanian begitu

penting dijadikan sebagai tunjang keperibadian untuk menghadapi sesuatu perkara terutama bagi golongan kanak-kanak kerana pada usia ini remaja perlu mengerti erti sebuah kehidupan untuk menghadapi cabaran dan liku kehidupan masa yang datang.

Penerapan nilai ini dalam cerita rakyat merupakan perkara penting bagi mendedahkan kepada golongan kanak-kanak tentang nilai keberanian itu penting terutama bagi golongan mereka untuk memastikan mereka berani untuk mencuba sesuatu perkara dalam hidup mereka dalam suatu masa yang panjang. Lantaran itu, kanak-kanak juga perlu diberi pendedahan tentang nilai seperti ini kerana ia mampu membentuk nilai moral yang baik dalam diri mereka.

Hal ini bertepatan dengan pendekatan masyarakat dan pendekatan moral yang terdapat di dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Dalam konteks ini idea dan cetusan pemikiran diperoleh melalui pengalaman-pengalamannya, melahirkan satu persoalan yang membawa kepada pengajaran yang dapat memberi manfaat yang berguna kepada kanak-kanak. Melalui pendekatan ini, karya sastera dihasilkan bukan sahaja untuk mencari kebenaran dan keadilan dalam sesuatu perkara yang mendasari dalam sebuah kehidupan kanak-kanak, malah menjadi satu alat atau pemangkin dalam membentuk satu budaya bangsa yang bermoral baik dalam kehidupan kanak-kanak secara tidak langsung.

Kejujuran

Menurut Tajul Arifin Nordin & Nor'aini Dan (1992: 33), kejujuran didefinisikan sebagai sikap dan perlakuan yang menunjukkan niat baik, amanah dan ikhlas tanpa mengharapkan balasan. Kejujuran juga dikatakan sebagai memberitahukan, menuturkan sesuatu dengan sebenarnya (H Mod Rifa'i ed., 1985: 73). Bagi Mohd Adib Abd Rahman, nilai kejujuran ialah kesesuaian perkataan dan perbuatan yang dizahirkan mengikut gerak batinnya selama tidak tergelincir daripada landasan syariatnya (2010). Nilai kejujuran menurut pandangan Aboebakar

Atjeh pula ialah benar dalam segala perbuatan dan perkataan, boleh dipercayai, bersifat menyampaikan serta cerdik lagi bijaksana dalam segala tindakan (1988: 10). Hashim Musa menyatakan nilai kejujuran sebagai sifat tulus dan telus, bercakap benar, ikhlas, setia dan dapat diharap dan dipercayai (2008: 68). Nilai kejujuran ini juga membawa pengertian segenap perasaan manusia yang terangkum yang dilaksanakan atas dasar kesedaran dan sifat tanggungjawab supaya kehidupan menjadi aman dan bahagia (Norita Arifin, 2006: 99). Beliau turut menyatakan nilai kejujuran ini merupakan keperibadian dan perlakuan yang mencerminkan isi hati seseorang untuk melakukan sesuatu secara jujur, ikhlas dan tidak mengharapkan balasan (2006: 99). Boleh dilihat berdasarkan petikan cerita yang berjudul *Kejujuran*.

"Akhirnya Isap berasa amat tenat. Dia sangat kesal. Sahabatnya tidak lagi menunggunya. Sahabatnya tidak sempat membawa ole-ole lagi. Sejak itu Badar tidak ke rumah Ishak lagi dan persahabatan mereka terputus. Orang yang paling gembira ialah isteri Isap. Suaminya tidak bersahabat dengan orang yang tidak jujur lagi".

(Othman Puteh & Aripin Said. ed., 1995: 72).

Berdasarkan petikan di atas, jelas menerangkan bahawa tidak lagi meneruskan persahabatan dengan Badar kerana sikap Badar yang tidak jujur dalam persahabatan mereka. Ekoran daripada itu, jika seseorang itu tidak jujur, nescaya ikatan persahabatan yang terjalin itu tidak akan kekal sampai akhir hayat. Oleh itu, cerita rakyat sebegini sewajarnya kepada remaja. Hal ini mampu memberi didikan moral yang baik kepada kanak-kanak. Mereka akan tahu bersikap jujur penting dalam kehidupan.

Penerapan nilai ini dalam cerita rakyat merupakan perkara penting bagi mendedahkan kepada masyarakat bahawa kejujuran itu penting terutama bagi golongan kanak-kanak kerana mereka mudah terpengaruh budaya luar yang meresap dalam diri mereka.

Berteraskan kepada pendekatan gunaan dan pendekatan seni yang terdapat di dalam Teori Pengkaedahan Melayu, masyarakat Melayu beranggapan alam sebagai sumber rujukan dan panduan dalam kehidupan seharian. Justeru itu, masyarakat menjadikan alam sebagai ilham dalam karya yang dihasilkan. Sementara itu, menerusi pendekatan seni diterapkan sepenuhnya bagi melahirkan mutu karya yang padat dengan nilai keindahan. Jelaslah karya sastera dihasilkan bukan sahaja untuk hiburan, malah menjadi satu alat atau pemangkin dalam membentuk satu budaya bangsa yang bermoral baik.

Kasih Sayang

Nilai kasih sayang bermaksud perasaan halus dan belas kasihan yang timbul daripada hati yang ikhlas terhadap orang lain dan berusaha membantu meringankan bebanan yang dihadapinya (Norita Arifin, 2006: 93). Menurut Muhamad al-Ghazali (1987: 92), kasih sayang didefinisikan sebagai menggambarkan sifat ketinggian budi yang melembutkan hati untuk mencurahkan rasa belas kasihan. Muhamad al-Ghazali menambah, kasih sayang ialah perasaan halus dan belas kasihan di dalam hati yang membawa kepada berbuat amalan utama, memberi maaf dan berlaku baik (H Mod Rifai'l ed., 1985: 441). Tajul Ariffin Nordin & Nor'aini dan pula berpendapat kasih sayang ialah perasaan cinta, kasih sayang yang mendalam dan berkekalan. Rasa ini lahir dari hati yang rela terhadap sesuatu tanpa sebarang unsur kepentingan diri (1992: 32). Kementerian Pelajaran mendefinisikan nilai kasih sayang sebagai meliputi perasaan cinta, kasih sayang yang mendalam dan berkekalan lahir daripada hati yang rela terhadap sesuatu (1988b: 5). Nilai kasih sayang terbahagi kepada empat ciri iaitu sayang kepada nyawa, sayang kepada alam sekitar, cinta kepada negara, cinta kepada keamanan dan keharmonian (Tajul Ariffin Nordin & Nor'aini Dan, 1992: 32). Berdasarkan pendapat-pendapat yang diutarakan, nilai kasih sayang disimpulkan sebagai perasaan halus dan belas kasihan yang lahir dari hati meliputi rasa cinta dan kasih sayang yang mendalam,

tiada sempadan waktu dan tanpa sebarang paksaan atau unsur kepentingan diri seterusnya membawa kepada perlakuan yang baik dan positif. Contohnya berdasarkan cerita rakyat yang berjudul *Anak Angkat Saudagar*. Petikan menceritakan perihal keadaan:

“Saudagar hendak mengambil Abdul menjadi anak angkatnya. Dia hendak jadikan Abdul saudagar yang kaya. Ibu Abdul rasa serba salah. Dia kasih akan anaknya itu. Dia juga mengharapkan masa depan yang baik untuk anaknya.”

(Othman Puteh & Aripin Said. ed., 1995: 21)

Berdasarkan petikan di atas, pengarang menggambarkan kasih sayang yang sangat utuh seorang ibu kepada anaknya. Walaupun si ibu sangat mengasihi akan anaknya, namun demi masa depan anaknya, dia sanggup mengorbankan kasih sayang yang selama ini disemai demi kejayaan diri anaknya itu. Oleh itu, cerita sebegini mampu membentuk keperibadian mulia dalam diri kanak-kanak. Kanak-kanak mampu untuk membentuk nilai kasih sayang dalam diri mereka agar ikatan kasih sayang ini mampu menjanjikan kebahagiaan dalam diri mereka. Dalam konteks ini, dengan adanya jalinan citra nilai murni dalam setiap karya seperti ini mampu mencorakkan kehidupan yang sempurna kepada kanak-kanak.

Penerapan nilai ini dalam cerita rakyat merupakan perkara penting bagi mendedahkan kepada masyarakat bahawa keadilan itu penting terutama bagi golongan kanak-kanak kerana mereka mudah terpengaruh budaya luar yang meresap dalam diri mereka. Berpaksakan kepada permasalahan ini, terbukti bahawa cerita rakyat juga memainkan peranan penting dalam memupuk nilai-nilai murni terutama bagi golongan kanak-kanak ini kerana usia seawal mereka perlu diberi perhatian yang sewajarnya terutama membentuk keperibadian seseorang kanak-kanak tersebut.

Dalam Teori Pengkaedahan Melayu, nilai kasih sayang ini memperlihatkan bahawa melalui karya sastera, mampu melahirkan pelbagai manfaat dan kebaikan rentetan dari pelbagai peristiwa yang dijadikan pengalaman-

pengalaman dalam menempuh kehidupan. Melalui pengalaman-pengalaman tersebut, tersingkap pelbagai ragam yang dapat dijadikan cerminan bandingan atau contoh teladan yang baik. Hal ini bertepatan dengan pengkaedahan moral yang terdapat di dalam Teori Pengkaedahan Melayu.

Kesimpulan

Kebijaksanaan pengarang dalam menghasilkan sesebuah cerita rakyat yang sarat dengan pengolahan nilai murni dalam karya mereka mampu mencetuskan suatu khazanah nilai yang berharga kepada diri kanak-kanak. Melalui Pengkaedahan Melayu, dapat dijadikan asas-asas pembentukan berdasarkan corak, sifat dan sejarah kesusasteraan Melayu itu sendiri. Justeru itu, melalui analisis dan kajian telah dilakukan memudahkan pengkaji mencungkil citra nilai murni masyarakat tradisi dalam cerita rakyat di Malaysia (dunia kanak-kanak). Pengaplikasian teori yang berkesan akan dapat dijadikan bahan rujukan dan panduan kepada pencipta sastera. Teori ini mampu menjadi teori sastera tempatan yang bertujuan untuk mengkaji, mengkritik, menganalisis dan menilai hasil-hasil sastera dengan lebih benar, munasabah, yakin dan lengkap. Oleh itu, melalui pengkalan elemen yang diceritakan di atas mampu mencorakkan fenomena yang baru kepada kanak-kanak. Bimbingan dan galakan yang berterusan akan dapat membantu ke arah pembentukan citra nilai murni dalam cerita rakyat di Malaysia mampu membentuk keperibadian baik dalam diri kanak-kanak.

Rujukan

- Abdul Aziz Ismail. (1995). *Membina Minda dan Peribadi Muslim*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publisher.
- Abdul Rahim Abdul Rashid. (2001). *Nilai-nilai Murni dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributor.
- Ali Ahmad. (1994). *Pengantar Pengajian Kesasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arba'ie Sujud, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi & Asiah Abdul Rahman. (2001). *Sastera Melayu Suatu Pengantar Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Tinta Press Sdn. Bhd.
- Halimah Badiozaman. (1992). *Sastera Kanak-kanak: Pembentukan Pemikiran dan Pemupukan Nilai-nilai Murni*. Dewan Sastera, 5.
- Hashim Awang. (2002). *Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya*. Bengkel Teori Sastera, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur di Riviera Bay Resort, Melaka pada 28-29 Jun.
- Hashim Awang. (2002). *Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsipnya*. Dibentangkan dalam Bengkel Teori Sastera, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka di Riviera Bay Resort, dari 28-29 Jun.
- Hashim Musa. (1998). *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Ismail Hamid. (1987). *Perkembangan Kesusasteraan Melayu Lama*. Kuala Lumpur: Longman.
- Mana Sikana. (1997). *Teori Sastera dan Budaya dalam Kajian Akademik*. Bangi: Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Taib Osman. (1991). *Pengkajian Sastera Rakyat Bercorak Cerita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Al-Ghazali. (1994). *Peribadi Muslim*. Terj. Osman Hj Khalid. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Nik Azis Nik Pa. (1990). *Program Pendidikan Pelajar Pintar dan Cerdas: Teori dan Praktik*. Kajang: Institusi Pengajian Ilmu-ilmu Islam.
- Othman Puteh & Aripin Said. (1995). *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Kuala Lumpur:

- Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd.
- Othman Puteh & Aripin Said. (2011). *366 Cerita Rakyat Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Tajul Ariffin Noordin & Nor'Aini Dan. (1992). *Pendidikan dan Wawasan 2020*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn. Bhd.
- Umar Junus. (1999). *Teori dan Kreativiti: Problematik Pengembangan Teori Sendiri*. Kolokium Membina Teori Sastra Sendiri, anjuran Bahagian Teori dan Kritikan Sastra, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur di Hotel The Summit, Subang USJ 1 pada 6-8 Disember.
- Utley, L. F. (1965). *Folk Literature: An Operational Definition*. New Jersey: Prentice-Hall.
- Wan Aminurrashid. (2002). *Etika Islam Panduan Sopan Santun*. Bentong: PTS Publications & Distributor.